

Menelusuri kemajmukan etnik negara

KU HASNAN HAJI KU HALIM

Malaysia adalah negara makmur aman dan sejahtera. *Malaysia Truly Asia*. Malaysia memperakarkan secara terbuka bahawa ia adalah sebuah negara (state) yang masyarakatnya bersifat *unity in diversity*. Penerimaan ini dilandaskan kepada andaian bahawa kepelbagaiannya berpotensi besar mencabar perpaduan (*diversity is a threat to unity*), terutamanya selepas berlakunya tragedi berdarah 13 Mei 1969.

Kepelbagaiannya dalam bidang ekonomi iaitu terdapat identiti etnik dalam kegiatan ekonomi negara (Melayu petani, Cina pedagang, India pekerja ladang), dan perbezaan serta jurang ekonomi antara etnik Melayu dan Cina adalah begitu luas sehingga menimbulkan ketegangan, pergeseran dan akhirnya terjadi konflik terbuka.

Semenjak itu hingga sekarang, 'perpaduan' menjadi slogan, sebutan dan idaman, dan termaktub sebagai matlamat akhir Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang digubal dan dilancarkan pada 1971. Dalam

kata lain, wujudnya diversiti (kepelbagaiannya) dengan tiga wajahnya itu tidak dinafikan, namun secara sedar penekanan kerajaan Malaysia adalah terhadap perpaduan. Rakyat mesti padu menghadapi cabaran kepelbagaiannya, yang diungkapkan dalam beberapa konsep lain seperti kerencaman sosial, *heterogeneity*, multietnik, multibudaya, berbilang etnik dan sebagainya.

Kekeruhan hubungan antara etnik sebelum merdeka, khususnya selepas Perang Dunia Kedua, memang menonjol tetapi jarang ditonjolkan. Yang selalu ditonjolkan adalah kekeruhan hubungan etnik pasca merdeka, iaitu peristiwa 13 Mei. Semenjak itu, kita tidak berhenti berusaha untuk mencari dan mengelakkan butir-butir mutiara kejernihan yang dapat kita tangguk daripada kekeruhan tersebut. Dalam suasana inilah, dua perkataan keramat mula menghayati kehidupan sosial dalam masyarakat kita, iaitu, perkataan 'perpaduan' dan 'integrasii'.

Cabaran terbesar untuk kita, terutamanya kepada pemikir, pemerintah dan juga golongan inte-

ligensi, adalah untuk terus-menerus memantau dan mencerakinkan keadaan hubungan etnik semasa di negara kita. Soalnya, bagaimana? Sebelum kita mampu melaksanakan pemantauan ini dengan berkesan, ada beberapa langkah awal yang mesti kita lakukan. Kita perlu membina kefahaman yang jelas apa yang kita maksudkan dengan perpaduan dan integrasi.

Kita tidak boleh menganggap usaha berbincang terus-menerus untuk mempertajam kefahaman mengenai masyarakat kita sendiri sebagai sesuatu yang remeh lalu mengkritiknya sebagai suatu kegiatan 'berteori' atau 'cakap tak serupa bikin' atau sesuatu yang membazir waktu.

Salah satu faktor yang menyebabkan kita mampu mengelakkkan keamanan dan harmoni dalam proses hubungan etnik di Malaysia adalah kerana kemampuan intelek kita, kita mahu terus berbincang, menghayati dan menikmati kualiti hidup yang tinggi, mahu generasi masa depan mengekalkan kesinambungan produktiviti ekonomi dan kelestarian masyarakat. Kita ti-

dak mahu masyarakat kita kucar-kacir dan dilanda kemurungan sosial, seperti dalam masyarakat lain di se turuh dunia yang mengakibatkan keadaan ekstrem seperti keganasan dan pertumpahan darah.

Dalam menangani cabaran di negara yang mempunyai masyarakat majmuk ini, keseimbangan dari pelbagai aspek haruslah dititikberatkan. Ketidakseimbangan terutama dari segi ekonomi akan memberi kesan buruk yang mana akan menimbulkan perasaan iri hati, seterusnya menyukarkan proses perpaduan. Lebih parah lagi, perasaan ini akan membawa kepada konflik antara etnik jika tidak ditangani dengan bijak. Prinsip keseimbangan di sini adalah melakukan agihan mengikut kewajaran yang adil.

Rakyat Malaysia harus mengambil iktibar dari peristiwa menuntut kemerdekaan Tanah Melayu oleh pemimpin-pemimpin daripada pelbagai etnik dahulu yang diketuai Tunku Abdul Rahman. Mereka bersatu hati menuntut kemerdekaan untuk Tanah Melayu. Sesuatu yang mustahil pada tahap awalnya menjadi satu yang nyata dan realiti ke-

rana adanya toleransi, tolak ansur dan semangat untuk perpaduan dan bersepdua.

Rumus bicaranya di sini, konsep-konsep asas dalam hubungan etnik wajar dipupuk dari akar umbi lagi kerana ia menjadi teras ke arah proses mengurus sesebuah negara. Gagasan 1Malaysia (G1M) dan Transformasi Nasional 2050 Malaysia (TN50) yang disemai pada setiap penduduk negara ini adalah langkah yang sangat baik bagi mengukuhkan semangat kekitaan antara rakyat demi menjamin kestabilan antara etnik.

Kerjasama, perpaduan, saling memahami antara etnik ini perlu dijana dari bangku sekolah lagi agar perpaduan etnik sentiasa terpelihara. Justeru, semua warganegara Malaysia yang tulen berusaha dan beriltizam serta istiqamah, selain wajib menjaga kemakmuran dan kesejahteraan yang sedia ada agar negara terus maju dalam menempuh cabaran hari muka.

* Penulis ialah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Uumum Universiti Tun Hussein Onn